

D.R. 5/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2007.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2006

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan belas bilion lapan puluh satu juta sembilan ratus dua belas ribu lapan ratus sembilan puluh tiga ringgit (RM19,081,912,893) daripada Kumpulan Wang Disatukan adalah dengan ini dibenarkan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2006 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2006 [*Akta AJ259*].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>A maun</i> (RM)
B. 1	Parlimen	12,672,850
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	3,730,900

Rang Undang-Undang

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	252,765,900
B. 9	Badan Pencegah Rasuah	380,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	10
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	16,121,537,100
B. 13	Kementerian Luar Negeri	17,710,000
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	12,826,100
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	256,330,000
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	4,435,000
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	12,684,000
B. 29	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	56,000
B. 41	Kementerian Pelajaran	803,000,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	487,030,000
B. 44	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	6,500,000
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	3,040,900
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	4,528,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	828,015,733
B. 62	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	254,670,400
	JUMLAH	19,081,912,893

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak sembilan belas bilion lapan puluh satu juta sembilan ratus dua belas ribu lapan ratus sembilan puluh tiga ringgit (RM19,081,912,893) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2006.

[PN(U²)2206]